

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 36

### Aliran ekonomi Malaysia terpantas di ASEAN

# Aliran ekonomi Malaysia terpantas di ASEAN

KUALA LUMPUR



KHAIRY

**M**alaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi terpantas dalam kalangan enam negara ASEAN pada suku ketiga dan juga bagi sembilan bulan pertama tahun ini, pada masa yang sama negara terus membina daya tahan untuk menghadapi cabaran global yang kuat, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

"Dipermudahkan oleh langkah-langkah tegas dalam peralihan ke fasa endemik, kita sedang membina daya tahan untuk menghadapi cabaran global yang kuat.

"Kestabilan politik adalah penting menjelang pilihan raya pada 19 November," kata Khairy dalam cataran terbaharunya di laman sosial Twitter.

Memetik data daripada pelbagai sumber di ASEAN, beliau menyatakan bahawa Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memberangsang-

kan iaitu 14.2 peratus pada suku ketiga.

Menurut carta yang digunakan beliau dalam catatan Twitter yang sama, purata pertumbuhan KDNK sembilan bulan Malaysia iaitu pada 9.36 peratus juga merupakan yang tertinggi di rantau ini, mendahului Vietnam di tempat kedua pada 8.8 peratus.

KDNK Vietnam meningkat 13.67 peratus pada suku ketiga, diikuti Filipina (7.6 peratus), Indonesia (5.72 peratus) dan Singapura (4.4 peratus).

Bagaimanapun, Thailand belum umumkan prestasi suku ketiganya.

Pada suku kedua, ekonomi Malaysia berkehingga sebanyak 8.9 peratus, mendahului enam negara ASEAN yang lain.

Vietnam mencatatkan pengembangan 7.72 peratus pada suku kedua, Filipina (7.5 peratus), Indonesia (5.44 peratus), Singapura (4.4 peratus) dan Thailand (2.5 peratus). - Bernama